

PENILAIAN *OUTCOME* DAN IMPAK PROGRAM KEMAHIRAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

HAJI ABDUL RAHIM OTHMAN ¹, MEJAR (K) ZULKIFLI ARIFFIN ², PROF. MADYA. DR YAHYA DON ³

¹ POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG, MALAYSIA.

² POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG, MALAYSIA.

³ UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, KEDAH, MALAYSIA.

ARTICLE INFO

Article history:

Received : June 2015

Accepted : August 2015

Available online : January 2017

Katakunci:

Penilaian *outcome* dan impak, program dan latihan, Kolej Komuniti.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti *outcome* dan impak program kemahiran yang dilaksanakan di Kolej Komuniti di Malaysia. Ia melibatkan kajian keatas peserta kursus pendek dan kursus sepenuh masa yang mengikuti latihan kemahiran dalam pelbagai bidang. Rekabentuk kajian ini berasaskan gabungan antara kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian berbentuk kuantitatif dengan mengaplikasikan tinjauan keratan rentas berdasarkan soalselidik yang dijawab oleh responden. Sementara kaedah kualitatif melibatkan penelitian ke atas model-model dan kajian lepas (*desk research*) terhadap kursus-kursus yang melibatkan literasi dan aspek-aspek kemahiran. Persampelan kelompok digunakan dengan responden dipilih secara rawak yang terdiri dari zon utara, zon tengah, zon timur dan zon selatan. Soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat kuantitatif, yang mengandungi empat bahagian ia terdiri dari demografi responden, sikap terhadap kursus-kursus kemahiran, keyakinan diri dan kualiti perkhidmatan di Kolej Komuniti. Analisa kualitatif menumpukan kepada kajian literatur yang memberi tumpuan kepada maklumat melalui indeks di internet, jurnal-jurnal dan buku-buku. Bagi kaedah kuantitatif, soal selidik dianalisa dengan menggunakan analisis statistik SPSS versi 14. Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan dalam kalangan peserta kursus kemahiran mengikuti lebih dari satu kursus di Kolej Komuniti adalah membanggakan. Ini boleh disimpulkan bahawa kedudukan Kolej Komuniti dalam kalangan masyarakat adalah baik. Penilaian responden terhadap Kolej Komuniti juga menunjukkan ianya bersifat positif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan kepada masyarakat setempat mendapat sambutan. Oleh itu, peruntukan bagi pengajian dan pembelajaran sepanjang hayat untuk rakyat khususnya masyarakat setempat perlu dilihat semula oleh pihak kerajaan.

1.0 PENGENALAN

Peranan Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) adalah untuk menyediakan keperluan latihan dan kemahiran kepada semua peringkat pelajar. Kolej Komuniti juga merupakan satu akses kepada pelajar lepasan sekolah menengah untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran sebelum

menceburi bidang pasaran kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Bersandarkan misi, Kolej Komuniti berhasrat menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang teknologi, perniagaan dan industri perkhidmatan serta berazam melahirkan graduan yang berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan berilmu, pelbagai pendekatan telah diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sebagai contoh, Pendekatan Berasaskan Kerja (WBL) adalah satu kaedah P&P yang telah diperkenalkan di Kolej Komuniti. Pendekatan ini memfokuskan kepada aspek-aspek penting seperti pembangunan kurikulum, penyampaian P&P, pentaksiran serta peperiksaan. Peneraju utama sebagai katalis untuk proses tersebut terletak pada akauntabiliti setiap pensyarah Kolej Komuniti. Oleh itu, usaha untuk memperkasa barisan pensyarah yang berkarisma menjadi agenda utama bagi memastikan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif dapat diterapkan ke dalam diri pelajar dengan lebih efektif dan berkualiti. Mereka perlu berani membuat penerokaan dalam pencarian ilmu dan mengambil risiko dalam mencipta sesuatu penemuan baharu.

Pada 27 Jun 2006, penjenamaan semula Kolej Komuniti melalui *National Implementation Task Force* (NITF) telah menjadi platform baharu untuk meluaskan skop dan tanggungjawab Kolej Komuniti. Tujuannya adalah untuk mempertingkatkan peranan Kolej Komuniti dalam menyumbang kepada pembangunan modal insan berkualiti. Secara tidak langsung, ia menjadi laluan alternatif dan menjadi suatu pusat atau hub pembelajaran sepanjang hayat yang merentasi segenap lapisan umur dan kelayakan akademik serta kemahiran setiap insan yang mempunyai kesedaran untuk belajar. Untuk itu, para pensyarah hendaklah bersedia dengan pelbagai kemahiran yang relevan dengan tuntutan yang digariskan di dalam kurikulum dan kokurikulum di Kolej Komuniti untuk memantapkan P&P yang berinovatif dan kreatif. Kemahiran dan pengetahuan sedia ada yang dipamerkan oleh setiap pensyarah di Kolej Komuniti masa kini merupakan kayu pengukur terhadap kualiti dan arah tuju Kolej Komuniti untuk terus berdaya saing pada masa hadapan.

2.0 TUJUAN LAPORAN PENILAIAN

Laporan ini bertujuan untuk membentangkan dapatan penelitian *outcome* dan impak kursus-kursus yang sedang dilaksanakan di Kolej Komuniti terhadap kompetensi diri pelajar dan kualiti perkhidmatan staf dan pensyarah di Kolej Komuniti di Malaysia.

Secara khususnya laporan ini bertujuan untuk :

1. Melaporkan hasil *outcome* dan impak profil peserta kursus di Kolej Komuniti.

2. Melaporkan hasil *outcome* dan impak kompetensi diri peserta kursus dari aspek sikap mereka terhadap kursus-kursus kemahiran yang dilaksanakan di Kolej Komuniti.

3. Melaporkan hasil *outcome* dan impak kompetensi diri peserta kursus dari aspek tahap keyakinan diri yang berkaitan latar belakang pengetahuan dan juga kemahiran.

4. Melaporkan *outcome* dan impak peserta kursus terhadap kualiti perkhidmatan yang terdapat di Kolej Komuniti di Malaysia.

3.0 METODOLOGI PENILAIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti *outcome* dan impak program-program yang dilaksanakan di Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) di bawah RMK-9. Kajian ini berbentuk deskriptif yang melibatkan pengumpulan data bagi tujuan menilai tahap atau menjawab persoalan berkaitan kompetensi diri peserta kursus dan situasi semasa program-program di Kolej Komuniti di samping menggunakan teknik korelasi untuk mengenalpasti hubungan antara dua atau lebih pembolehubah dan menggunakan bentuk hubungan ini untuk membuat ramalan.


Rekabentuk kajian ini berasaskan kombinasi kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan penelitian ke atas model-model dan kajian lepas (*desk research*) terhadap kursus-kursus yang melibatkan literasi dan aspek-aspek kemahiran. Kajian kuantitatif mengaplikasikan tinjauan keratan rentas berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Persampelan kelompok (*Cluster Sampling*) digunakan memandangkan populasi adalah terlalu besar. Justeru, responden akan dipilih secara rawak mengikut zon (zon utara, zon tengah, zon timur dan zon selatan) Semenanjung Malaysia. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Kolej Komuniti di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kajian penilaian ini melibatkan seramai 687 sampel yang terpilih daripada 14 buah Kolej Komuniti di Semenanjung Malaysia. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada peserta kursus yang sedang mengikuti dan telah tamat program jangka pendek dan program jangka panjang di Kolej Komuniti yang terpilih.

4.0 INDIKATOR-INDIKATOR PENCAPAIAN

Indikator yang diambil dalam melaksanakan proses penilaian ini adalah berdasarkan *Program Logic Model* yang menumpukan kepada *logic program* ke atas pencapaian *outcome* dan impak kompetensi diri peserta kursus dalam setiap program-program kemahiran. Model ini menjelaskan aliran penyebab dan kesan yang berhubungan dengan program-program yang terdapat di Kolej Komuniti dan berkaitan dengan aktiviti program kemahiran yang cenderung memberi *outcome* dan impak dalam pembangunan negara. Model ini mempunyai lima asas komponen yang utama (Rajah 4.1).

Rajah 4.1 Basic Program Logic Model



Rumusan dan Cadangan

Input merujuk kepada maklumat yang terdapat dan diperolehi melalui pencapaian kompetensi peserta kursus hasil dari proses pengajaran dan pembelajaran dalam setiap program. Aktiviti adalah tindakan yang diambil atau merujuk kepada aktiviti pembelajaran dan pengajaran berdasarkan kursus-kursus yang lebih spesifik seperti jahitan, solekan, elektrik dan sebagainya. Aktiviti pembelajaran ini cenderung kepada pencapaian tahap *output* seperti laporan, penasihat, aktiviti latihan dan laporan media. Seterusnya, *output* tersebut akan dijangka kepada pencapaian tahap *outcome* tertentu dalam konteks perubahan pengetahuan, sikap dan pencapaian di dalam kumpulan sasaran yang akan menerima nilai faedah. Akhirnya, program yang dijana akan menyumbang kepada pembangunan dan memberi impak termasuklah peningkatan dalam tahap kemahiran, produktiviti, peningkatan minat, pendapatan, pertumbuhan ekonomi dan kualiti perkhidmatan dalam negara.

Kerangka kajian penilaian ini bertujuan untuk membantu Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia meningkatkan pembangunan skala kemahiran terutamanya yang berteraskan kursus-kursus yang berorientasikan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat. Secara khususnya, kerangka penilaian ini bertujuan memberi panduan dalam membuat penilaian terhadap indikator *outcome* dan impak kompetensi diri peserta kursus dari

aspek sikap terhadap program-program kemahiran, keyakinan diri dan persepsi mereka terhadap kualiti perkhidmatan di Kolej Komuniti di Malaysia. Piawaian dalam asas penilaian ini terbahagi kepada tiga indikator iaitu:

1. Menyediakan asas objektif kepada pencapaian dan pembangunan Kolej Komuniti.
2. Menyediakan asas yang kukuh dalam proses membuat keputusan dalam pengurusan.
3. Menjana proses pengajaran dan pembelajaran antara Kolej Komuniti dan pemegang taruh (*stakeholder*).

4.1 Analisis Kajian Kualitatif : Kajian-kajian Lepas / Pendekatan Taksonomi

Kajian *literature* dilaksanakan dalam dua tahap iaitu meneliti secara sepintas lalu kecenderungan dalam penilaian dan analisis impak. Secara lebih khusus, ia menumpukan kepada latihan-latihan kemahiran yang bersifat teknikal, literasi dan *numeracy*.

Tahap 1.

Untuk kajian-kajian yang bersifat sekunder, kajian-kajian lepas yang diteliti berasaskan kepada pengenalpastian melalui *index* di internet, jurnal-jurnal elektronik dan buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Universiti Utara Malaysia. Melalui penyelidikan terhadap kajian-kajian lepas, kumpulan penyelidik telah mengenal pasti beberapa aspek berkaitan penilaian *outcome* dan impak iaitu ;

- i. Penilaian ke atas model dan teori yang berkaitan penilaian *outcome* dan impak.
- ii. Kepelbagaian polisi-polisi yang mendorong kepada pemilihan model-model untuk penilaian.
- iii. Meneliti apakah model-model dan teori-teori analisis *outcome* dan impak yang sering digunakan dan kenapa?
- iv. Analisis kritis terhadap model dan teori-teori penilaian *outcome* dan impak program yang menjurus kepada kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat.
- v. Bagaimanakah berjayanya sesuatu analisis penilaian *outcome* dan impak untuk tujuan kesuaian latihan dan penambahbaikan.
- vi. Penelitian berkaitan individu-individu dan isu-isu organisasi berkaitan penilaian *outcome* dan impak.
- vii. Beberapa cabaran berkaitan penilaian *outcome* dan impak ke atas latihan dan kursus-kursus berkaitan kemahiran.

Tahap 2.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, analisis dan kategori sumber yang berkaitan model Taksonomi dan teori dilakukan untuk membandingkan model serta teori penilaian dan juga aplikasi yang lebih praktis. Kumpulan penyelidik lebih menumpukan kepada kesesuaian pendekatan berkaitan model dan teori-teori penilaian *outcome* dan impak kursus yang berkaitan aspek-aspek kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat.

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 ANALISIS *OUTCOME*

Bahagian ini menerangkan analisis *outcome* daripada kursus-kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Analisis *outcome* ini adalah berdasarkan jumlah pendapatan semasa responden.

5.2 ANALISIS IMPAK KURSUS

Bahagian ini menerangkan analisis impak program-program di Kolej Komuniti ke atas pendidikan dan pembangunan kerjaya, peningkatan sikap dalam pembelajaran kemahiran, indikator pencapaian dalam pembelajaran kemahiran, kemantapan dalam kursus, sikap terhadap pekerjaan, keyakinan diri, persepsi terhadap pentadbir dan pengurusan Kolej Komuniti, persepsi terhadap ICT di Kolej Komuniti dan persepsi terhadap perkhidmatan pensyarah di Kolej Komuniti.

5.3 Impak Terhadap Pendidikan Dan Pembangunan Kerjaya (PPK)

Bahagian ini menerangkan analisis hasil kajian yang telah diperolehi daripada responden dan laporan adalah berdasarkan setakat laporan ini ditulis.

Dapatan kajian menunjukkan kursus-kursus kemahiran di Kolej Komuniti memberi impak yang tinggi ke atas pendidikan dan pembangunan kerjaya responden dengan nilai min keseluruhan sebanyak 4.01. Responden berpendapat kursus-kursus kemahiran ini mampu memberikan peluang pekerjaan kepada mereka (88.7%) dimana 95% responden memperoleh faedah daripada kursus dan memberi lebih peluang kepada mereka untuk membentuk kerjaya sendiri pada masa hadapan (89.4%). Ini terbukti apabila lebih 50.5% responden tidak berminat untuk mengubah

kepada kursus-kursus bukan kemahiran. Seterusnya, 82.2% berpendapat bahawa kursus kemahiran yang diikuti tidak sedikit pun merugikan wang dan tenaga mereka sebaliknya menjanjikan pulangan yang lumayan (77.6%) dan memberikan hidup yang lebih baik kepada mereka (65%). Ini kerana 70.3% responden tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan kursus tetapi menjanjikan mereka pekerjaan setelah bergraduat (77.4%).

Secara keseluruhannya, responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pendidikan dan pembangunan kerja berdasarkan min keseluruhan ialah 4.02 dan sisihan piawai 0.66.

5.4 Impak Terhadap Peningkatan Sikap Dalam Pembelajaran Kemahiran (PSPK)

Jadual 5.1: Persepsi responden terhadap peningkatan sikap dalam pembelajaran kemahiran

No.	Aspek Penilaian	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min
1	Keluarga saya mendorong saya untuk mengikut kursus kemahiran	4 0.6%	25 3.7%	51 9.1%	358 54.9%	212 31.8%	4.13
2	Pekerjaan di bidang kemahiran lebih dihormati oleh masyarakat	3 0.4%	20 3.0%	202 29.9%	331 49.0%	113 16.7%	3.78
3	Saya berminat dengan kursus yang boleh memberi peluang kepada saya meningkatkan kemahiran	1 0.1%	5 0.7%	53 7.9%	340 50.5%	274 40.7%	4.31
4	Kursus kemahiran lebih banyakk membantu meningkatkan kebajikan kepada masyarakat	-	18 2.7%	127 18.7%	358 52.8%	175 25.8%	4.00
5	Keluarga saya mahu saya menjadi seorang yang berkemahiran	2 0.3%	2 0.3%	88 13.0%	303 44.7%	184 27.2%	4.01
6	Teknologi memainkan peranan penting untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakat	2 0.3%	9 1.3%	102 15.2%	360 53.5%	200 29.7%	4.11
7	Saya mahir dalam menyelesaikan masalah	2 0.4%	21 3.3%	231 34.7%	323 48.6%	85 12.8%	3.55
8	Kebanyakan rakan-rakan saya mengikut kursus-kursus kemahiran	2 0.5%	16 2.4%	138 20.9%	371 56.3%	131 19.9%	3.93
9	Saya yakin dengan kemampuan saya untuk berjaya dalam bidang kemahiran	-	8 1.2%	91 13.7%	389 58.8%	170 26.5%	4.10
10	Saya lebih yakin dengan kemahiran saya sekarang	4 0.6%	20 3.0%	103 15.4%	410 61.5%	124 18.6%	3.94
11	Saya berpendapat diri saya telah menguasai kemahiran teknikal	15 2.3%	47 7.2%	188 28.7%	320 48.8%	88 13.1%	3.63
Min Keseluruhan							3.96

* Angka yang bergaris mewakili bilangan n=687

Secara keseluruhan 86.5% responden menyatakan bahawa keluarga merupakan pendorong utama untuk mereka mengikut kursus kemahiran. Responden berpendapat pekerjaan di dalam bidang kemahiran lebih dihormati oleh masyarakat (65.7%) di samping minat mereka sendiri terhadap kursus yang boleh memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran yang diminati. Seterusnya mereka berpendapat bahawa kursus kemahiran dapat menyumbang kepada kebajikan masyarakat (78.6%) dan disebabkan itu keluarga berkehendakkan mereka menjadi seorang yang berkemahiran (84.4%). Ini kerana

mereka berpendapat teknologi memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan masalah (83.2%) tetapi keseluruhannya mereka masih belum mahir dalam menyelesaikan masalah (48.6%). Walau bagaimanapun, responden yakin dengan kemampuan mereka untuk berjaya dalam bidang kemahiran (78.5%) kerana mereka yakin dengan kemahiran yang dimiliki dan penguasaan kemahiran teknikal masing-masing.

Merujuk kepada persepsi responden secara keseluruhan terhadap peningkatan sikap dalam pembelajaran kemahiran, dapatan menunjukkan secara puratanya responden bersetuju dengan min keseluruhan 3.96 dan sisihan piawai 0.67.

5.5 Impak Terhadap Indikator Pencapaian Dalam Pembelajaran Kemahiran (IPPK)

Jadual 5.2: Persepsi responden terhadap indikator pencapaian dalam pembelajaran kemahiran

No.	Aspek Penilaian	1		2		3		4		5		Min
		%	n	%	n	%	n	%	n	%	n	
1	b17 – masa hadapan mempelajari kursus kemahiran memerlukan tumpuan yg gigih	1.3%	2	10.5%	17	56.4%	377	31.8%	213		4.05	
2	b24 – kursus kemahiran adalah bersifat inovatif	0.2%	1	1.2%	2	15.1%	26	64.1%	119	19.6%	3.85	
3	b30 – kursus-kursus kemahiran banyak menyumbang kpd pembangunan negara	0.1%	1	1.0%	2	14.6%	26	55.2%	197	29.0%	4.04	
4	b33 – tenaga mahir seorang yg kreatif	0.1%	1	1.0%	2	11.3%	20	56.0%	111	31.5%	4.04	
5	b34 – saya mengikuti kursus kemahiran kerana saya seronok utk menghasilkan sesuatu yg baharu	0.1%	1	0.7%	1	9.6%	18	52.8%	107	37.1%	4.17	
6	b34 – pemikiran kreatif adalah salah satu dip kekuatan diri saya	0.2%	1	1.8%	3	14.5%	28	58.4%	107	25.2%	3.90	
7	b55 – saya mahir dlm menyelesaikan masalah	0.5%	1	3.5%	7	34.7%	68	48.6%	98	12.8%	3.55	
Min Keseluruhan												3.94

* Angka yang bergaris mewakili bilangan n=687

Dapatan kajian menunjukkan 56.4% responden berpandangan mempelajari kursus kemahiran memerlukan tumpuan yang gigih. Ini kerana 64.1% responden bersetuju bahawa mempelajari kursus kemahiran adalah bersifat inovatif dan 52.8% responden berasa seronok dalam menghasilkan sesuatu yang baharu. Oleh itu, mereka juga bersetuju bahawa sebagai tenaga mahir mereka perlu kreatif (56%) dan diakui yang pemikiran kreatif merupakan salah satu daripada kekuatan yang dimiliki oleh mereka (58.4%). Seterusnya, seramai 55.2% responden berpendapat kursus kemahiran ini banyak menyumbang kepada pembangunan negara.

Responden bersetuju bahawa pembelajaran kemahiran memerlukan tumpuan yang gigih iaitu 56.4% (377 responden). Persepsi mengenai kursus yang dipelajari, kebanyakan responden bersetuju kursus yang disediakan

bersifat inovatif iaitu 64.1% (425 responden). Responden juga bersetuju bahawa latihan yang dipelajari menyumbang kepada pembangunan negara dengan menjadi seorang bertenaga mahir iaitu 55.2% dan 56.0%. Mengenai keseronokan mempelajari kursus, dapatan kajian menunjukkan responden seronok untuk menghasilkan sesuatu dengan kemahiran yang diperolehi dan didorong dengan pemikiran kreatif yang menjadi kekuatan responden (52.8% dan 58.4%). Mengenai kemahiran menyelesaikan masalah, responden kajian berada di tahap sederhana dengan min 3.55 untuk soalan tersebut. Jika dilihat peratusan tidak pasti 34.7% dan peratusan yang mengakui mahir menyelesaikan masalah 48.6%, perbezaan yang tidak sebegitu ketara ini memberikan impak terhadap menyelesaikan masalah perlu diperhatikan dalam kursus kemahiran yang disediakan. Secara keseluruhan impak terhadap pencapaian dalam pembelajaran adalah positif iaitu min keseluruhan 3.94 dan sisihan piawai 0.67.

5.6 Impak Terhadap Kemantapan Dalam Kursus (KDK)

Dapatan kajian menunjukkan seramai 61.6% responden berpendapat bahawa pengisian dalam kursus kemahiran tentang fesyen dan jahitan dapat membantu mereka menjadi pekerja mahir dan usahawan yang berjaya. Begitu juga dengan kursus-kursus lain seperti kemahiran tentang automotif (46%), kemahiran tentang hotel dan catering (64.3%), kemahiran tentang elektrik (44%), kemahiran tentang kecantikan dan dandan (54.7%), kemahiran tentang grafik dan multimedia (40.9%), kemahiran tentang teknologi maklumat dan komputer (58.7%) dan kemahiran tentang hospitaliti dan pelancongan (50.5%). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa impak kursus kemahiran terhadap kemantapan dalam kursus adalah sederhana dengan nilai min keseluruhan adalah 3.32.

5.7 Impak Sikap Terhadap Pekerjaan

Secara keseluruhan, didapati impak kursus kemahiran kepada sikap responden terhadap pekerjaan adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan sebanyak 3.82. Kebanyakan responden bersetuju bahawa belajar dalam kumpulan adalah lebih baik daripada belajar secara bersendirian (88.5%), diikuti dengan setiap masalah diselesaikan dengan pelbagai cara (85.4%), penyelesaian masalah yang bersifat terbuka (81.7%) dan seterusnya 55.1%

responden berpendapat bahawa mereka mengetahui apa yang dilakukan oleh pekerja mahir. Hanya aspek pembelajaran dalam kumpulan tidak menyeronokkan responden yang menunjukkan impak yang sederhana dengan nilai min terendah sebanyak 2.97.

Secara keseluruhan, persepsi responden mengenai sikap terhadap pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan mereka mempunyai pandangan yang positif (min keseluruhan 3.67, sisihan piawai 0.79). Walaupun terdapat ketidakpastian mengenai keseronokan bekerja dalam kumpulan sebelum dan selepas mengikuti kursus (min 2.85).

5.8 Impak Terhadap Keyakinan Diri

Merujuk kepada item-item yang berkaitan keyakinan diri, data kajian menunjukkan responden kajian gembira dengan kehidupan mereka sekarang (54.4%), mereka tidak berputus asa dalam kehidupan (48.4%), percaya dengan bekerja kuat untuk menyelesaikan masalah sudah pasti mereka akan berjaya di suatu hari nanti (53.5%), responden juga mendapat maklumbalas positif terhadap hasil kerja mereka (52.5%), mereka juga akan merujuk kepada kemahiran yang dipelajari di kolej apabila menghadapi masalah (51.4%). Seterusnya, responden percaya kerja kuat akan membolehkan mereka mencapai matlamat di suatu hari nanti (49.8%) dan mereka juga selalu merujuk rakan-rakan yang berjaya untuk meminta nasihat dan tunjuk ajar dalam pekerjaan mereka (47.1%). Secara keseluruhannya, impak terhadap keyakinan diri responden adalah positif (min keseluruhan 3.60, sisihan piawai 0.83).

5.9 Impak Terhadap Pentadbir Dan Pengurusan Kolej Komuniti (PPKK)

Secara keseluruhan, didapati persepsi responden terhadap pentadbir dan pengurusan di Kolej Komuniti adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan sebanyak 3.68. Majoriti responden (84.1%) bersetuju bahawa pihak pentadbir dan pengurusan Kolej Komuniti melayan mereka dengan rasa hormat. Staf-staf pentadbiran juga bersikap sopan dengan pelajar (82.2%) seperti melayani pelajar dengan sopan (81.3%) dan menjawab panggilan telefon daripada pelajar-pelajar dengan sopan (78.7%), ramah, mudah didekati dan bersopan dalam membantu menyelesaikan masalah pelajar. Responden juga bersetuju bahawa pihak pengurusan kolej bersifat ramah dengan pelajar (83.3%) dan

mudah didekati bagi menyelesaikan masalah pelajar (80%). Selain itu, pelajar tidak sukar untuk mendapatkan balik wang sekiranya menggugurkan kursus (54.1%) dan sekiranya pelajar terlepas temu janji yang ditetapkan, pihak pengurusan akan menghubungi pelajar (67.7%). Responden juga bersetuju bahawa perkhidmatan telefon tol percuma yang disediakan untuk pelajar amat memuaskan mereka (53.6%).

6.0 KESIMPULAN

6.1 IMPLIKASI TEORI

Berdasarkan keputusan kajian dan dapatan-dapatan daripada kajian lepas, Model *Kirkpatrick Multi-level* dapat diterima dan dilaksanakan untuk tujuan penilaian dalam konteks latihan kemahiran untuk suatu tempoh yang tidak terhad. Model ini dapat digunakan untuk menilai impak latihan yang lebih luas dan dapat memberi faedah kepada sesebuah organisasi, pengurus dan pekerja. Model ini juga didapati dapat memberi panduan dan kaedah yang terbaik dalam membentuk matlamat individu dan organisasi yang lebih bersifat praktikal. Salah satu kekuatan model *Kirkpatrick* ialah dapat membantu dalam membentuk kajian yang bertujuan untuk mendapat maklum balas yang bersifat jangka pendek.

Pengukuran pencapaian organisasi juga amat penting dalam menentukan aras pencapaian, pendekatan yang lebih seimbang, analisis pengeluaran, kawalan, analisis nilai faedah dan pulangan pelaburan (ROI). Ianya merupakan satu aspek yang penting dalam memahami hubungan antara pencapaian organisasi dan keberkesanan sesuatu latihan atau kursus yang dilaksanakan. Justeru, penilaian ke atas sesuatu program pada masa hadapan adalah merupakan asas-asas yang perlu dipertimbangkan.

Kajian juga mendapati suatu keperluan penilaian ke atas impak latihan terutamanya terhadap penilaian peningkatan aspek '*hard*' dan '*soft*' *outcome* yang memungkinan perubahan sikap atau tingkahlaku dalam peringkat pertengahan pelaksanaan sesuatu kursus yang bersifat jangka panjang atau jangka pendek. Situasi ini memperlihatkan bahawa pulangan terhadap jangkaan adalah penting terutamanya pulangan terhadap pelaburan dalam memastikan *outcome* latihan atau kursus pada dasarnya sesuai dan dapat memberi faedah kepada individu dan juga organisasi. Pulangan terhadap pelaburan (ROI)

terutamanya dari aspek impak latihan adalah asas kepada perkembangan masa hadapan. Praktis terkini dapat disusun dan faedah kuantitatif daripada latihan dapat dilihat. Justeru, analisis kos faedah yang berasaskan model *input/output* dilihat dapat membantu untuk mengenalpasti hubungan pulangan terhadap individu dan organisasi.

Penjelasan terhadap matlamat, tujuan dan objektif latihan perlulah diperjelaskan pada peringkat awal dengan sokongan kerangka yang positif bagi memastikan pemindahan latihan kemahiran sesuai dan dapat memenuhi kehendak, peranan dan kriteria yang diperlukan dalam sesuatu pekerjaan. Justeru, adalah amat penting untuk mengukur *outcome* pekerjaan berdasarkan definisi pendekatan perubahan terhadap tugas, secara tidak langsung dapat menunjukkan bahawa sesuatu latihan yang dilaksanakan adalah amat bernilai.

Untuk golongan yang memiliki kelulusan yang rendah seperti tidak mempunyai langsung sijil-sijil di peringkat persekolahan (sama ada tercicir di sekolah rendah atau menengah), mempunyai kemahiran yang rendah dan terlibat dalam kursus-kursus asas kemahiran, petunjuk '*softer*' *outcome* daripada latihan/kursus adalah penting melalui pembinaan keyakinan diri, *self-esteem* dan motivasi. Penglibatan dalam latihan secara sendirinya didapati berkesan untuk melihat jangkaan individu terhadap kemampuan yang ingin dicapai dalam sesuatu bidang pekerjaan. Malah, berkebolehan dalam meningkatkan kompetensi diri juga perlu dinilai dalam usaha meningkatkan kualiti modal insan yang tinggi untuk pembangunan negara pada masa hadapan.

6.2 IMPLIKASI PRAKTIS

Berdasarkan dapatan kajian penilaian ini, beberapa langkah perlu dipraktikkan oleh pihak Kolej Komuniti dalam mempertingkatkan *outcome* dan impak daripada kursus-kursus dan program yang dilaksanakan di Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Antara tumpuan yang perlu diberi ketutamaan ialah mempertingkatkan kemasukan dan pengambilan pelajar-pelajar terutamanya pelajar lelaki lepasan SPM dan PMR. Ini adalah kerana 67% peserta lepasan SPM adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Justeru, pihak Kolej Komuniti perlulah mengambil langkah bijak dengan melaksanakan program-program promosi secara lebih agresif ke sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Kajian ini mendapati kurangnya maklumat dan peluang-peluang yang terdapat di

Kolej Komuniti menyebabkan pelajar-pelajar yang tercicir atau tidak mendapat tempat di IPTA dan IPTS tidak mengetahui kursus-kursus dan peluang yang mereka akan perolehi di Kolej Komuniti. Tumpuan dan promosi juga perlu menjurus dan memberi tumpuan kepada kursus-kursus yang berdaya maju tetapi kurang sambutan seperti teknologi maklumat, ukur bahan dan kejuruteraan elektrik di samping kursus-kursus lain yang ditawarkan oleh pihak Kolej Komuniti di seluruh negara. Faktor-faktor geografi perlu juga diberi perhatian dalam melaksanakan promosi dengan menumpukan kepada negeri-negeri yang kurang penglibatan secara menyeluruh dalam program di Kolej Komuniti.

Tumpuan juga perlu diberi dalam mempertingkatkan jumlah usahawan bumiputera di Malaysia. Kajian penilaian ini jelas memperlihatkan kecenderungan yang positif di kalangan peserta yang telah memperlihatkan minat mereka terhadap bidang-bidang keusahawanan. Malah, terdapat juga minat dan kecenderungan untuk menceburi bidang ini daripada kalangan pemegang ijazah dan diploma. Kajian ini juga telah memperlihatkan wujud *outcome* dan impak dalam bidang keusahawanan melalui peningkatan pendapatan setelah mengikuti program di Kolej Komuniti. Oleh itu, pihak Kolej Komuniti perlu meningkatkan lagi penglibatan dan penyertaan terutamanya golongan wanita dan golongan kurang upaya seperti ibu-ibu tunggal untuk meningkatkan keupayaan mereka memperbaiki taraf hidup.

Di samping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan peserta daripada golongan lepasan siswazah juga perlu dilaksanakan secara agresif untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berkelulusan di samping membantu pihak kerajaan untuk mengurangkan kadar kebergantungan siswazah dalam sektor kerajaan serta meminimalkan kadar pengangguran di kalangan siswazah. Selain itu, tumpuan juga perlu diberi kepada golongan veteran atau yang berumur lebih daripada 40 tahun untuk menceburi bidang keusahawanan. Malah, kajian ini dengan jelas memperlihatkan adanya kecenderungan golongan ini (25%) untuk menceburi kursus-kursus yang terdapat di Kolej Komuniti di Malaysia.

Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa Kolej Komuniti telah berjaya membantu pihak kerajaan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan taraf hidup melalui penyertaan dalam kursus

kemahiran yang ditawarkan di Kolej Komuniti. Dapatan menunjukkan 43.4% peserta adalah terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah iaitu kurang RM 3,000.00 sebulan. Justeru, pihak Kolej Komuniti perlu melihat kecenderungan positif ini sebagai batu loncatan untuk membantu pihak kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia. Maka, usaha-usaha penerangan dan juga promosi perlulah ditumpukan kepada golongan berpendapatan rendah untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di Kolej Komuniti di Malaysia.

Selain itu, pihak Kolej Komuniti perlu memberi perhatian serius kepada minat dan kecenderungan pelajar mengikuti lebih daripada satu kursus yang terdapat di Kolej Komuniti. Peningkatan peluang dalam kepelbagaian kursus kemahiran secara tidak langsung akan melahirkan lebih ramai usahawan yang bukan sahaja memberi tumpuan dalam sesuatu bidang tetapi juga dalam pelbagai bidang bagi membantu mereka meningkatkan peluang dalam bidang keusahawan yang memerlukan kemahiran dan kebolehan yang pelbagai.

Penguksuhan terhadap sikap dan minat pelajar juga perlu diberi keutamaan dalam membentuk ketahanan diri dan keyakinan diri pelajar lepasan Kolej Komuniti. Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi penekanan dan perhatian yang serius oleh pihak Kolej Komuniti berdasarkan dapatan kajian ini antaranya peserta telah memperlihatkan konsep pembelajaran di Kolej Komuniti kurang menyeronokkan terutamanya melalui pembelajaran kumpulan. Wujud *social loafing* dalam kalangan pelajar yang mengikuti program di Kolej Komuniti. Malah, peserta sedar tentang kepentingan pembelajaran kolaboratif ini. Justeru, hal ini perlulah diberi perhatian serius ke arah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan secara langsung akan meminimalkan masalah *social loafing*. Konsep ini merupakan agenda penting dalam usaha kerajaan mempertingkatkan bilangan usahawan yang lebih berdaya maju dan berupaya meningkatkan kecemerlangan dalam pembangunan negara.

Selain itu, usaha-usaha perlulah dilakukan oleh pihak Kolej Komuniti untuk meningkatkan sikap pelajar terhadap ICT. Kajian penilaian ini menunjukkan sikap yang rendah terhadap ICT dan hal ini dilihat sebagai sesuatu yang amat serius dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap celik ICT dalam masyarakat Malaysia pada tahun 2010. Serentak

dengan itu, beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi memantapkan kursus-kursus dan meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar di Kolej Komuniti. Ini adalah kerana kajian ini mendapati *outcome* tahap keyakinan diri dan tahap pemantapan kursus-kursus di Kolej Komuniti masih lagi berada di tahap yang sederhana dan rendah. Hal ini secara tidak langsung akan memberi impak yang rendah terhadap keberkesanan program di Kolej Komuniti seterusnya kepada pembangunan negara.

RUJUKAN

[1]Ananiadou K (2004). Basic skills and workplace learning: what do we actually know about their benefits? *Studies in Continuing Education*, 26; 289.

[2]Anderson, V. (2007). Value and evaluation: from return on investment to return on expectation. *Report by University of Portsmouth Business School to CIPD*.

[3]Bamberger (2004). Shoestring evaluation: designing impact evaluations under budget, time and data constraints. *American Journal of Evaluation*, 25; 5.

[4]Bee, F (2006). *Learning Evaluation*. Chartered Institute for Personnel and Development.

[5]Bhola, H S. (2000). A discourse on impact evaluation: a model and its application to a literacy intervention in Ghana. *Evaluation*, 6; 161.

[6]Bloom, M R and Lafleur, B. (1999). Turning skills into profits: economic benefits of workplace education programs. New York: The Conference Board.

[7]Bramley, P. (1986). *Evaluation of training – a practical guide*. London: British Association for Commercial and Industrial Training.

[8]Dupuis, E A (2006). *Developing Web-based instruction: planning, designing, managing and evaluating for results*. London: Facet.

[9]Hollenbeck, K. (1996). A framework for assessing the economic benefits and costs of workplace literacy training. Paper presented at the conference on Workplace learning: the strategic advantage, Milwaukee, Wisconsin, April 29.

[10]Jenkins, S M and Curtin, P. (2006). Adapting job analysis methodology to improve evaluation practice. *American Journal of Evaluation*, 27; 485.

[11]Krueger, A and Rouse, C. (1998). The effect of workplace education on earnings, turnover, and job performance. *Journal of Labor Economics*, 16; 61.

[12]Michalski, G V and Cousins, J B. (2001). Multiple perspectives on training evaluation: probing stakeholder perspectives in a global network development firm. *American Journal of Evaluation*, 22; 37.

[13]Morell, J A. (2000). Internal evaluation: a synthesis of traditional methods and industrial engineering. *American Journal of Evaluation*, 21; 41.

[14]Parry, S B. (1997). *Evaluating the impact of training: a collection of tools and techniques*. Alexandria, Virginia: ASTD.

[15]Phillips, J J. (1990). *Handbook of training evaluation and measurement methods*. London: Kogan Page.

[16]Rae, W L. (1991). *How to measure training effectiveness*. Aldershot: Gower.

[17]Smith, M F. (2001). Evaluation: preview of the future. *American Journal of Evaluation*, 22; 281.

[18]Stufflebeam, D L and Wingate, L A. (2005). A self-assessment procedure for use in evaluation training. *American Journal of Evaluation*, 26; 544.

[19]Tamkin, P (2002). Kirkpatrick and beyond: a review of models of training evaluation. Institute for Employment Studies, *IES Report no 392*

[20]Yang, H (2004). Multi-level evaluation alignment: an explication of a four-step model. *American Journal of Evaluation*, 25; 493.